



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

05 FEBRUARI 2021

1. Manfaat teknologi kekang jenayah ancam industri halal
2. Sah air dicemari najis babi
3. Najis babi punca sungai tercemar
4. Suami, isteri cari rezeki jual burung puyuh panggang
5. Lembu nama "Posh Spice" paling mahal
6. 2 dogs help keep wild monkey under control in Lumut Park.

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

Muhamad Afiq
Abd Razak

Manfaatkan teknologi kekang jenayahancam industri halal

Industri berasaskan produk makanan halal penyumbang besar kepada sumber ekonomi negara, dengan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) melaporkan pendapatan hasil eksport produk halal Malaysia menyumbang RM40.2 bilion pada 2020.

Jelasnya, industri ini mempunyai potensi cukup besar bagi menjana pendapatan negara, pada masa sama memenuhi kewajipan seorang Muslim untuk menuruti perintah Allah SWT.

Setiap Muslim dituntut mencari makanan dan minuman yang menepati prinsip 'halalan toyyiban' (bersih lagi suci) tidak hanya terbatas kepada ramuan, sebaliknya meliputi seluruh proses penghasilan.

Realitinya, kepesatan teknologi pada era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) memunculkan teknologi baharu dalam penghasilan produk makanan. Contohnya, teknologi daging kultur di mana penghasilan daging secara makmal tanpa perlu kepada organisma seluruhnya.

Teknologi aditif, iaitu cetakan tiga dimensi dalam penghasilan produk daging pula merevolusi industri dengan mengubah cara tradisional penghasilan makanan yang rata-ratanya berasaskan proses dari ladang ke meja makanan (*from farm-to-fork*) kepada proses dari makmal ke meja makan (*from lab-to-fork*).

Islam sebagai ad-din, tidak menghalang apa juga bentuk kemajuan, bahkan seruan yang jelas supaya umat Islam sendiri perlu menerajui kemajuan demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Maka, di samping meraikan perkembangan teknologi, persoalan risikonya seperti aspek halal, keselamatan makanan, malah ancaman jenayah makanan tidak wajar dipandang enteng.

Jenayah makanan adalah tindakan mengubah produk makanan atau mencemarkan produk makanan dengan bahan tidak sepatutnya demi kepentingan ekonomi untuk tujuan pemalsuan, penipuan dan sabotaj.

Hakikatnya, jenayah makanan bukan perkara baharu. Ia wujud dalam industri makanan dan dilakukan dengan berorientasikan pelbagai motif, kebanyakannya bertujuan untuk keuntungan.

Berdasarkan kronologi sejarah, aktiviti jenayah makanan mengundang implikasi terhadap kesihatan pengguna kerana mengandungi bahan terlarang atau bahan berbahaya melebihi kadar ditetapkan undang-undang.

Contoh di China, pernah ditemui ba-

han melamine dalam produk formula bayi yang dijual sehingga menyebabkan kematian. Dari sini, jelas ancaman jenayah makanan berlaku terhadap industri makanan halal.

Pada Disember 2020, negara kita sendiri digemparkan penemuan produk daging beku dijual dengan menggunakan logo halal palsu.

Jelasnya, ia modus operandi jenayah makanan kerana tujuannya untuk pemalsuan dan demi kepentingan ekonomi.

Berkaitan isu ini, pihak berkuasa antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) proaktif menyiasat serta mengambil tindakan lanjut terhadap kes berkenaan.

Jelasnya, ancaman jenayah makanan memberi impak kepada industri produk makanan halal, lantas menuntut semua pihak berwaspada dan menga-

mbil peranan secara bersama untuk melindungi, sekali gus mempertahankan industri makanan halal negara supaya terhindar daripada ancaman jenayah makanan.

Sinergi semua pihak dalam lingkungan industri makanan baik pengguna, pengeluar atau industri dan penguat kuasa amat penting dalam soal ini, dengan beberapa strategi boleh dipertimbangkan.

Pertama, memperkasa sistem jaminan halal dan keselamatan makanan. Pengeluar produk makanan pada semua peringkat sama ada multinasional mahupun perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sewajarnya memastikan produk keluaran masing-masing menepati pensijilan halal Malaysia di bawah JAKIM.

'Kod QR Smart Halal' dalam telefon pintar SmartHalal diperkenalkan JAKIM baru-baru ini sedia memberikan prasarana kepada pemain industri da-

lam membuat permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Pentingnya sijil halal untuk menjadikan industri makanan mempunyai sistem pertahanan dalaman daripada ancaman pencemaran unsur tidak halal melalui pelaksanaan sistem pengurusan jaminan halal dalam MHMS 2020, piawaian standard MS1500:2019 dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2020.

Dengan wujud sistem ini, ia dapat menjamin segala titik kritikal halal dalam penghasilan produk makanan dikawal selia supaya tidak berlaku sebarang risiko pencemaran.

Kedua, memperkasa bidang forensik halal. Ancaman jenayah makanan boleh berlaku dalam keadaan sukar untuk dikenal pasti. Oleh itu, uji kaji forensik di makmal seperti pengesanan asid deoksiribonukleik (DNA), protein, lemak dan alkohol wajar dijadikan sebagai satu daripada solusi.

Dalam konteks Malaysia, JAKIM dan Jabatan Kimia Malaysia mempunyai fasiliti makmal yang diiktiraf untuk membuat analisis bagi autentikasi produk halal.

Dengan memperkasa forensik halal, daya jejak kepada punca pencemaran dapat dirungkai dengan bantuan teknologi moden.

Ketiga, memperkasa penguatkuasaan dan integriti. Sungguhpun sebuah Akta Halal masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya, penguatkuasaan dapat diperkemas dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Pemantauan dan tindakan tegas perlu dikenakan kepada pihak terbabit jenayah makanan.

Pihak industri dan autoriti perlu berganding bahu secara bersama dan komunikasi berterusan perlu dikekalkan supaya setiap maklumat dapat disampaikan dengan berkesan.

Ini penting khususnya dalam penguatkuasaan krisis lebih-lebih lagi insiden membabitkan pencemaran produk makanan.

Dengan pelaksanaan strategi ini, diharapkan industri makanan halal negara dapat dipertahankan, begitu juga pada peringkat antarabangsa.

Keberhasilan pertahanan produk makanan halal sangat bergantung kepada ketersediaan semua pihak untuk berganding bahu dalam membasmi ancaman jenayah makanan.

Penulis adalah pensyarah Pengurusan Industri Halal di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Ancaman jenayah makanan memberi impak kepada industri produk makanan halal, lantas menuntut semua pihak berwaspada dan mengambil peranan secara bersama untuk melindungi, sekali gus mempertahankan industri makanan halal negara supaya terhindar daripada ancaman jenayah makanan.



Pencemaran Sungai Kereh

Sah air dicemari najis babi

Bukti saintifik dedah dakwaan penduduk babit ladang ternakan bukan cagak kosong

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Tasek Gelugor: Analisis dilakukan ke atas kualiti air Sungai Kereh, di sini, mendedahkan punca pencemaran sungai itu adalah daripada najis babi yang dilepaskan dari Kampung Selamat.

Kedadaan sungai berkenaan sebelum ini menghantui penduduk sekitar sejak kira-kira 40 tahun lalu, yang mendakwa terpaksa tinggal dalam suasana busuk setiap hari akibat aktiviti penternakan haiwan terbabit.

Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Badan Bertindak Bantah Pencemaran Sungai Kereh (BBBPSK) mendedahkan perkara itu, selepas mendapatkan khidmat makmal bebas bagi menjalankan analisis kualiti air di sungai terbabit sejak Disember tahun lalu.

Pengerusi LEKAS, Zikrullah Ismail, berkata berdasarkan laporan awal analisis, bukti saintifik menyimpulkan punca utama pen-



Air Sungai Kereh hitam serta berbau akibat dicemari najis babi yang berlarutan sejak 40 tahun lalu. (Foto DANIAL SAAD/BH)

cemaran Sungai Kereh adalah daripada penternakan babi.

"Bukti yang diperoleh itu memperkukuhkan lagi kenyataan dibuat BBBPSK selama ini.

"LEKAS bertekad memberi advokasi kepada penduduk tempatan sehingga isu ini diselesaikan segera, selain mempergiatkan lagi kempen kesedaran kepada masyarakat awam.

"Inisiatif dilakukan supaya isu ini dapat difahami berdasarkan fakta yang jelas dan bukan hanya cagak kosong semata-mata, seperti yang didakwa sebahagian pihak tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan, pencemaran Sungai Kereh dipercayai berpunca daripada pelepasan najis babi dari ladang ternakan di Kampung Selamat,

kira-kira lima kilometer dari sungai.

Lebih teruk, kawasan itu juga sering dilanda banjir menyebabkan kesan besar kepada Kampung Pokok Machang, Kampung Lubuk Meriam, Kampung Tonsun, Kampung Lahar Yooi, Kampung Sungai Korok dan Kampung Seberang Tok Dol di sini.

Difahamkan, terdapat 77 kandang membabitkan 135,000 babi di kawasan penternakan di Tingkat Selamat 1 hingga 11 kampung berkenaan yang dikatakan sudah beroperasi sejak 1980-an.

Pengerusi BBBPSK, Abdul Razib Abdul Rahim, berkata pencemaran sungai itu sudah berlarutan terlalu lama.

"Najis babi terus disalurkan ke Sungai Kereh walaupun ada desakan bersama badan bukan ke-



LEKAS bertekad memberi advokasi kepada penduduk tempatan sehingga isu ini diselesaikan segera.

Zikrullah Ismail,
Pengerusi LEKAS

rajaan (NGO) lain sebelum ini.

"Kami akan terus membela nasib penduduk kampung yang sekian lama berdepan dengan isu pencemaran sama ada membuat laporan polis atau ke pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Presiden CAP Pulau Pinang, Mohideen Abdul Kader pula berkata, pihaknya berharap melalui pemantauan kualiti air sungai secara berterusan, selain pematuhan penternak bagi sistem pelepasan sisa sifar dan penguatkuasaan Enakmen Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2016, isu dapat diselesaikan segera.

Pencemaran Sungai Kereh berlarutan sejak 40 tahun lalu

Najis babi punca sungai tercemar

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Satu kajian secara saintifik baru-baru ini mendedahkan punca pencemaran Sungai Kereh, Tasek Gelugor di sini adalah daripada najis babi yang dilepaskan dari Kampung Selamat, Tasek Gelugor.

Isu pencemaran itu telah menghantui penduduk sekitar sungai berkenaan sejak kira-kira 40 tahun lalu yang mendakwa terpaksa tinggal dalam suasana menderita bau busuk setiap hari.

Perkara itu didedahkan Peratuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (Lekas) dan Badan Bertindak Bantah Pencemaran Sungai Kereh yang menggunakan perkhidmatan sebuah makmal bebas untuk menganalisis kualiti air.

Pengerusi Lekas, Zikrullah Ismail berkata, kajian itu dijalankan di beberapa badan air di Kampung Selamat dan Sungai Kereh pada Disember lalu.

"Berdasarkan laporan analisa



ZIKRULLAH menunjukkan kawasan Sungai Kereh yang didakwa tercemar dengan najis ketika melakukan tinjauan di Tasek Gelugor baru-baru ini.

makmal, telah ada bukti saintifik untuk menyimpulkan bahawa punca utama pencemaran Sungai Kereh adalah daripada aktiviti penternakan babi di Kampung Selamat," katanya dalam

satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kewujudan bukti itu akan memperkukuhkan kenyataan yang dibuat Badan Bertindak Bantah Pencemaran Sungai Kereh selama ini yang mendakwa

pencemaran berpunca daripada penternakan babi di kawasan Kampung Selamat.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Bantah Pencemaran Sungai Kereh, Abdul Razib

Abdul Rahim berkata, isu berkenaan mengambil masa terlalu lama untuk diselesaikan.

"Pencemaran najis babi terus berlaku walaupun sudah ada desakan demi desakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan yang bersama kami.

"Kami ingin tegaskan bahawa badan ini akan terus membela penduduk kampung yang telah lebih 40 tahun berdepan dengan isu pencemaran ini sama ada membuat laporan polis atau dengan lebih serius ke pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, isu pencemaran itu akan dapat diselesaikan dengan pemantauan kualiti air sungai yang berterusan, pematuhan penternak bagi pelaksanaan sistem pelepasan sisa-sifar serta penguatkuasaan Enakmen Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020.



WAN NORAZILAH (kanan) dan suaminya, Anuar menyediakan burung puyuh yang dipanggang dalam tong logam di rumah mereka di Rancangan Tanah Felda Perasu, Gua Musang semalam.

Suami, isteri cari rezeki jual burung puyuh panggang

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Tiga kali perniagaan gulung tikar sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu tidak mematahkan semangat sepasang suami isteri untuk bangkit meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Wan Norazilah Wan Dollah, 34, sebelum ini membuka butik pengantin, manakala suaminya, Anuar Abdullah, 49, bekerja sebagai pemandu lori.

Semasa PKP tahun lalu, perniagaan dan pekerjaan mereka terjejas sehingga memaksa mencuba berniaga air tebu dan menjual benih pokok kelapa, namun usaha mereka gagal.

Kini, pasangan dari Rancangan Tanah Felda Perasu di sini kembali bangkit dengan menjalankan perniagaan burung puyuh dan ayam yang dipanggang dalam tong logam sejak tiga minggu lalu.

“Kami bersyukur apabila perniagaan burung puyuh dan

ayam panggang mendapat sambutan hangat pelanggan di daerah ini apabila tidak putus-putus menerima tempahan.

“Pelanggan perlu menempah lebih awal kerana kami menyediakan 200 ekor burung puyuh dan 150 ekor ayam setiap hari,” katanya ketika ditemu pemberita semalam.

Sementara itu, Anuar pula berkata, ayam dan burung puyuh panggang tersebut mempunyai rasa yang cukup enak kerana diperap selama 12 jam dan disediakan dengan sos ramuan istimewa.

Katanya, peranan dan sos itu merupakan inspirasi mereka sendiri yang mengikuti kelas resepi negara Thailand sebelum ini.

“Burung puyuh akan dipanggang lebih sejam dan ayam pula dalam tempoh dua hingga tiga jam dalam tong logam.

Harga bagi burung puyuh bakar bagi lima ekor ialah RM20 dan harga ayam RM30 seekor mengikut saiz.



Lembu nama 'Posh Spice' paling mahal

LONDON – Seekor lembu baka heifer bernama 'Posh Spice' muncul sebagai lembu paling mahal di Eropah, lapor akhbar *The Sun* kelmarin.

Posh Spice merupakan gelaran yang digunakan oleh selebriti Britain, Victoria Beckham semasa menganggotai kumpulan pop, Spice Girls.

Lembu itu dijual pada harga £262,000 (RM1.4 juta) dan lebih mahal daripada harga purata rumah di Britain.

Harga £262,000 itu juga paling mahal di dunia untuk lembu baka limusin heifer iaitu dua kali ganda berbanding £131,250 (RM724,187) yang dibayar pada 2014.

Ketika dijual baru-baru ini, lembu betina tersebut



POSH SPICE ketika menghadiri majlis pembukaan Muzium Nasional Qatar di Doha pada 27 Mac 2019. – AFP

berusia setahun.

Harga yang ditawarkan itu mengejutkan pemiliknya, Christine Williams dan Paul Tippettsya dari Shropshire, England.

"Saya hampir tidak mempercayainya. Harga yang ditawarkan adalah benar-benar di luar jangkauan," kata Christine yang berumur 57 tahun.

Menjelaskan mengenai pilihan nama unik tersebut, dia berkata, lembu itu dinamakan Posh Spice bukan kerana ia memiliki 'mood' seperti penyanyi berkenaan.

"Kami hanya mahu mengaitkan lembu tersebut dengan induknya yang bernama Ginger Spice.

"Saya berharap nama Posh Spice tidak memiliki hak cipta," ujar Christine. – AGENSI



Hairol Nizam Mohd Zaki with Puppy and Johny at the Mangrove Swamp Park in Lumut yesterday. PIC BY NOOR HIDAYAH TANZIZI

2 dogs help keep wild monkeys under control in Lumut park

NOOR HIDAYAH TANZIZI
LUMUT
news@nst.com.my

“THESE two dogs are my ‘co-workers’ and their presence has kept the naughty wild monkeys here under control as they are afraid of them.”

Security guard Hairol Nizam Mohd Zaki, 37, who looked after the two dogs, said they had helped guard the Mangrove Swamp Park here in the last two months.

Puppy and Johny, he said, had piqued the interest of many, including the Manjung Municipal council staff as the dogs were obedient and always keen to help.

“Initially, I was afraid to go near Puppy and Johny.

“But I took pity on them and began to feed them. They have been in this park ever since,” he said.

Hairol Nizam said the dogs’ presence helped keep the monkeys from entering a nearby housing area.

“Each time the monkeys try to leave the

park, I will get on my motorcycle and call Puppy and Johny to join me to chase the primates back to the mangrove area.

“It took me only a week to train the dogs. They now know what to do (whenever they see the monkeys).

“The primates no longer harass the park’s visitors due to the dogs’ presence,” he said.

He said the dogs would also bark at those who tried to feed the monkeys.

“It is better for the wild monkeys to search for food in their natural habitat.”

Although the dogs were tame, he said, the two would not go near or pester visitors.

He added that Puppy and Johny would also not defecate along the park’s footpaths as they were toilet-trained.

As of Wednesday, the dogs are now part of the Manjung Municipal Council.

Its president, Syamsul Hazeman Md Salleh, said this would be the first time that the council owned dogs.

He added that it would be applying for dog licences for Puppy and Johny.